KEMENTERIAN SUMBER ASLI
DAN KELESTARIAN ALAM
JABATAN ALAM SEKITAR

KENYATAAN MEDIA
JABATAN ALAM SEKITAR

JAS KOMITED MEMPERKUKUH PENGUATKUASAAN PENGURUSAN E-WASTE DI BAWAH AKTA KUALITI ALAM SEKELILING 1974

Merujuk kepada kenyataan media Suruhanjaya Integriti Agensi Penguatkuasaan (EAIC) bertarikh 22 Oktober 2026 berhubung tindakan penguatkuasaan terhadap premis pemprosesan buangan terjadual, khususnya buangan elektrik dan elektronik (e-waste), serta aktiviti kitar semula di Kawasan Perindustrian Segamat, Johor, Jabatan Alam Sekitar (JAS) ingin menegaskan komitmennya untuk memastikan pematuhan terhadap perundangan alam sekitar sentiasa diberi keutamaan.

JAS akan terus memperkukuh pemantauan dan pemeriksaan terhadap premis serta meningkatkan keberkesanan operasi penguatkuasaan bagi memastikan sebarang ketidakpatuhan ditangani secara konsisten, telus dan berasaskan bukti, selaras dengan peruntukan undang-undang serta prosedur operasi standard yang berkuat kuasa.

Dalam hal ini, setiap pengusaha premis bertanggungjawab memastikan aktiviti pengurusan buangan terjadual, termasuk e-waste, dilaksanakan sepenuhnya mengikut kehendak perundangan alam sekitar. Kegagalan mematuhi peruntukan undang-undang boleh menyebabkan tindakan penguatkuasaan diambil, termasuk pendakwaan di mahkamah, tertakluk pada jenis kesalahan, peruntukan undang-undang yang berkaitan dan kecukupan bukti.

Jabatan menghormati peranan EAIC dalam memastikan integriti, akauntabiliti dan keberkesanan agensi penguatkuasaan negara. JAS akan memberikan kerjasama sewajarnya kepada EAIC dalam sebarang proses siasatan dan penelitian lanjut yang dijalankan, selaras dengan peruntukan undang-undang serta prosedur yang berkuat kuasa.

HAJAH AZURI AZIZAH BINTI HAJI SAEDON
TIMBALAN KETUA PENGARAH (PEMBANGUNAN)
JABATAN ALAM SEKITAR
27 OKTOBER 2026

MALAYSIA MADANI

Unit Komunikasi Korporat I Jabatan Alam Sekitar (JAS)
Tel. : 03-8000 8000 I Faks : 03-8889 4151